

Pengurusan Kewangan Peribadi Anggota Koperasi

Siti Hajar Sa'aeey
Pusat Pembangunan Komuniti



Pengenalan

Kewangan ialah suatu aspek yang sangat penting dalam kehidupan. Semua orang perlu merancang kewangan masing-masing tidak kira sama ada kaya atau miskin. Namun, rancangan kewangan yang tidak dilaksanakan dengan baik akan mengundang kegagalan dalam menguruskan kewangan. Sebahagian daripada masyarakat hari ini berfikir hanya orang kaya perlu merancang kewangan kerana mempunyai lebih dalam kewangan dan berkemungkinan untuk membuat pelaburan. Silaplah jika berfikir begitu. Bahkan orang yang hanya mempunyai sumber kewangan sekadar "cukup makan" lebih memerlukan perancangan kewangan yang teliti untuk memastikan survival kehidupan mereka terjamin tanpa perlu meminta-minta dari orang lain.

Selaku penggerak koperasi, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) perlu terlebih dahulu menguruskan kewangan peribadi dengan baik supaya komitmen untuk menjalankan tugas terutama yang melibatkan aktiviti pembuatan keputusan di koperasi tidak terganggu kerana terlalu memikirkan tentang status kewangan peribadi yang tidak stabil. Dalam hal ini, peranan koperasi dalam menjana ekonomi anggota perlu diambil perhatian sewajarnya oleh setiap ALK. Ini kerana, setiap keputusan yang dibuat akan membawa implikasi kepada kedudukan kewangan koperasi. Sekiranya ALK mengamalkan pengurusan kewangan peribadi yang baik, ia akan mendorong mereka untuk melaksanakan perkara yang sama apabila melibatkan pengurusan kewangan di koperasi.

Merancang Kewangan Peribadi dalam Fasa Kehidupan

Dalam aspek pengurusan kewangan, kehidupan seseorang individu boleh dikategorikan kepada empat fasa keperluan dalam setiap fasa kehidupan. Fasa ini berbeza-beza seiring dengan pertambahan umur seseorang individu.

Fasa 1 – Awal 20-an sehingga awal 30-an

Fasa ini dikenali dengan tahun permulaan. Inilah titik permulaan bagi kebanyakan orang yang baru memasuki alam pekerjaan. Tidak kurang juga yang memasuki fasa perkahwinan. Jika difikirkan banyak juga keperluan kewangan kita di tahap ini, antara lain ialah:

- Pembelian kereta
- Pembelian rumah
- Membeli pakaian yang sesuai untuk pekerjaan
- Membayar hutang pendidikan
- Memberi wang kepada kedua ibu bapa
- Menyumbang kepada ahli keluarga yang memerlukan

Pada fasa ini, sebaiknya setiap individu berhati-hati supaya tidak terjebak dengan hutang kad kredit sewaktu di peringkat awal pekerjaan. Dari segi pelaburan pula, individu harus bersedia mencuba pelaburan yang berisiko rendah seperti melabur dalam saham amanah. Pembelian polisi takaful tabungan juga digalakkan untuk menyediakan kemudahan di hari tua seumpama 'menyediakan payung sebelum hujan'. Dewasa ini, terdapat pelbagai pelan pelaburan yang terjamin diwujudkan oleh institusi kewangan yang diiktiraf. Oleh yang demikian, peluang pelaburan berisiko rendah merupakan alternatif terbaik untuk menambah sumber kewangan.

Selain itu, bagi yang ingin melangsungkan perkahwinan ketika fasa ini, disyorkan agar membuat pembaharuan dalam tradisi menyediakan hantaran. Apa kata kalau di atas salah satu dulang hantaran diletakkan satu polisi takaful dan saham amanah? Berbanding dulang yang diisi dengan kain, jam tangan,

makanan, kasut dan beg tangan, polisi takaful ini menunjukkan betapa prihatinnya pengantin lelaki tentang kebajikan bakal isteri seandainya sesuatu yang tidak diingini terjadi kepada dirinya. Ia juga dapat mengajak orang lain memulakan trend baru dan secara tidak langsung dapat mengajak umat Islam berhijrah ke produk kewangan Islam di samping melindungi nyawa atau 'menyediakan payung sebelum hujan'. Ini adalah sebagai persediaan sekiranya sesuatu musibah menimpa kita.

Fasa 2 – Awal 30-an hingga 40-an

Pada peringkat ini, pendapatan individu sudah mulai meningkat. Jika kenaikan gaji purata lima peratus setahun dan kita mula bekerja sejak awal 20-an, besar kemungkinan gaji kita sudah naik sekurang-kurangnya 50 peratus. Dari segi keperluan kewangan pula, antara lain ia mungkin meliputi keperluan untuk:

- Penyusunan semula hutang
- Pembelian kereta yang lebih mewah
- Pengubahsuaian rumah atau pembelian rumah baru
- Peruntukan untuk melancong/mengerjakan haji/umrah

Dari segi pelaburan, individu pada peringkat ini boleh menerima risiko lebih tinggi berbanding pada fasa pertama. Pembelian polisi takaful pula lebih tertumpu kepada polisi kesihatan yang meliputi polisi 'critical illness' dan polisi takaful pendidikan untuk anak-anak.

Di peringkat ini juga individu tersebut bakal berdepan dengan kos perbelanjaan untuk anak-anak. Kategori perbelanjaan mengikut peringkat usia anak-anak ialah:

- Bayi ke tadika
- Sekolah rendah
- Sekolah menengah

Contoh keperluan kewangan bagi bayi yang bakal dilahirkan ialah kos pemeriksaan oleh doktor, pakaian dan lampin, perkakas penyusuan dan kos perubatan. Bagi peringkat tadika dan

sekolah pula, sudah tentu kos yuran pengajian dan alatan pembelajaran perlu difikirkan selain kos makan dan minum. Oleh itu, sangat penting ibu bapa membuat perancangan kewangan yang teliti dengan memikirkan dari sudut keutamaan ke mana wang itu sepatutnya dibelanjakan dahulu.

Fasa 3 – Awal 40-an hingga awal 50-an

Individu sudah memasuki fasa kehidupan yang lebih matang pada ketika ini. Individu akan lebih bersikap berhati-hati untuk berbelanja besar bagi perkara yang kurang bermanfaat, sebaliknya melebihkan peruntukan untuk menambah ilmu pengetahuan dengan menghadiri majlis ilmu atau membuat kerja amal. Keperluan kewangan juga turut berbeza. Antaranya ialah:

- Menjelaskan hutang – (wang KWSP akaun kedua boleh dikeluarkan sewaktu umur 50 tahun)
- Menabung untuk hari tua
- Perbelanjaan untuk menjaga kesihatan diri

Pelaburan pula dikurangkan manakala pemantauan lebih kerap dibuat ke atas pelaburan sedia ada berdasarkan pengalaman dan pengetahuan tentang risiko dan pulangnya. Pembelian polisi takaful baru perlu dikurangkan kerana akan menambahkan jumlah perbelanjaan individu. Walau bagaimanapun, individu boleh mempertimbangkan untuk menjadi wakil takaful untuk menjana lebih pendapatan. Selain itu, seseorang individu juga boleh mulai berjinak dengan perniagaan untuk menyiapkan diri menempuh fasa kehidupan selepas persaraan nanti.

Fasa 4 – Awal 50-an hingga akhir usia

Ketika ini, keperluan perancangan kewangan adalah:

- Perancangan wasiat/pengagihan harta
- Kesihatan
- Menjelaskan hutang sebelum bersara
- Pendidikan anak- di peringkat pengajian tinggi
- Sumbangan untuk badan-badan kebajikan

Selaku penggerak koperasi, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) perlu terlebih dahulu menguruskan kewangan peribadi dengan baik supaya komitmen untuk menjalankan tugas terutama yang melibatkan aktiviti pembuatan keputusan di koperasi tidak terganggu kerana terlalu memikirkan tentang status kewangan peribadi yang tidak stabil.

Sediakah individu untuk bersara ketika fasa ini? Beberapa perkara perlu difikirkan apabila merancang untuk bersara seperti:

- Bagaimana situasi kewangan apabila mencecah umur bersara? Pastikan di mana kita akan terima punca pendapatan.
- Bagaimana keadaan hutang? Semua sudah dijelaskan? Jika tidak, berapa lagi?
- Bagaimana pula dengan kos saraan atau kos perubahan?
- Adakah anak-anak masih bersekolah ketika ini?
- Sudahkah menjalani ibadah haji?

Setelah menilai semua perkara di atas, harus dicatat situasi kewangan kita sewaktu bersara kelak. Apabila sesuatu dicatat, barulah nampak apa implikasinya dan bagaimana untuk bertindak seterusnya.

Berlatih Mengurus Wang Sendiri

Kebanyakan orang dilatih untuk mencari wang tetapi tidak ramai dilatih untuk menguruskan wang apabila telah memilikinya. Masa yang terbaik dan sesuai untuk melatih seseorang individu tentang kepentingan pengurusan kewangan ialah sewaktu individu itu masih di bangku sekolah lagi. Ketika sudah melangkah ke alam pekerjaan pula,

pendidikan berkaitan pengurusan kewangan peribadi harus dijadikan tajuk 'wajib' dalam semua latihan induksi yang diadakan kepada semua pekerja baru.

Mengikut Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah Bank Negara pada 2006, seramai 16,000 individu telah mendapatkan khidmat nasihat daripada mereka. Antara faktor utama individu ini gagal dalam membayar hutang-hutang mereka dengan bank ialah 'kelemahan dalam pengurusan kewangan'.

Bayangkan bagaimana prestasi kerja mereka yang berada dalam statistik ini? Syukurlah jika mereka merupakan pekerja yang dapat mengasingkan masalah peribadi apabila bekerja. Namun realitinya, kebanyakan individu merasakan beban hutang yang membelenggu ini memberi impak negatif ke atas kerjaya mereka. Ia semakin membimbangkan apabila mereka berada di dalam era kemelesetan ekonomi yang menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat.

Bayangkan pula apabila seseorang individu dapat membebaskan diri mereka daripada masalah kewangan? Sudah tentu kualiti kerja mereka semakin meningkat dan semakin komited dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan. Dalam konteks koperasi pula, ALK akan lebih komited dalam menjalankan tugas seperti menguruskan bajet yang diperuntukkan oleh koperasi dengan berhemah. Komitmen tersebut akan memberi gambaran kredibiliti barisan ALK yang seterusnya menarik keyakinan anggota untuk turut sama menyokong segala aktiviti yang dijalankan oleh koperasi seperti melanggan di kedai koperasi, menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh koperasi,



serta memberi sumbangan kepada mana-mana tabung yang diwujudkan oleh koperasi.

Tip Bijak Urus Kewangan

Tip untuk mengelakkan diri kita daripada masalah kewangan adalah dengan mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi pendapatan yang diterima. Bunyinya memang mudah namun percaya atau tidak, ramai individu mengalami masalah kewangan hanya semata-mata kerana gagal mengawal perbelanjaan mereka. Berikut ialah tip-tip yang boleh diikuti dalam menguruskan kewangan dengan bijak:

1 Bayar sepenuhnya hutang kad kredit



Ramai individu yang menggunakan kad kredit mempunyai tabiat tidak suka membuka penyata kad kredit. Penggunaan kad kredit yang tidak terkawal akan menyebabkan hutang kad kredit mencapai had maksimum tanpa disedari. Kebiasaannya apa yang dilakukan ialah membayar jumlah minimum sahaja setiap kali menerima penyata kad kredit. Sebaik-baiknya semua hutang kad kredit hendaklah dijelaskan secepat mungkin. Hal ini akan dapat mengelakkan tanggungan terhadap faedah kad kredit yang tinggi dan membendung perbelanjaan tidak penting. Namun, sekiranya individu bijak dalam pengurusan kewangan, penggunaan kad kredit adalah salah satu peluang untuk berbelanja dengan bijak. Mata ganjaran dan rebet yang diperoleh sebagai hadiah dalam penggunaan kad kredit ini wajar dijadikan contoh terbaik pemilihan menggunakan kad kredit berbanding tunai. Namun, haruslah diingat sentiasa, hutang harus dibayar mengikut tempohnya dan 'saya hanya menggunakan kad kredit kerana tidak membawa tunai, bukan kerana tiada tunai'. Ini akan memimpin kita untuk menjauhkan diri daripada bebanan hutang.

2 Simpan 10 peratus untuk diri sendiri



Sering kali buku pengurusan kewangan menyarankan seseorang individu untuk menyimpan 10 peratus daripada pendapatan yang diperoleh. Konsep ini dinamakan 'pay yourself first!'. Buku klasik *The Richest Man in Babylon* mengatakan seseorang individu perlu menyimpan sebanyak 1/10 bahagian daripada pendapatan. 10 peratus mungkin nampak kecil apabila dilihat pada angkanya. Namun, andai dibuat dalam bentuk perkiraan seperti 10 peratus daripada RM 1 = 10 sen, 10 peratus daripada RM 10 = RM 1, 10 peratus daripada RM 1000 = RM 100, menunjukkan nilai yang berbeza. Bahkan, kita juga perlu melihat kejayaan mengasingkannya setiap bulan. Semakin banyak pendapatan, semakin banyak simpanan yang perlu diperuntukkan. Satu perkara penting untuk difahami adalah kita menyimpan dengan niat untuk meningkatkan kekayaan bukan untuk kecemasan. Contohnya, menggunakan duit simpanan tersebut untuk tujuan pelaburan.

Menurut jutawan Internet, Dr. Irfan Khairi, amalan menyimpan ini akan membawa kita kepada bebas kewangan pada tahun-tahun akan datang. Amalan menyimpan 10 peratus pendapatan ini sukar diamalkan pada peringkat permulaan. Tanpa perancangan kewangan yang teliti, setiap kali seseorang individu mendapat gaji pada hujung bulan, kesemua wang akan habis dibelanjakan dan tidak sempat disimpan. Oleh itu, jika individu tersebut tidak mampu menyimpan 10 peratus pendapatan setiap bulan, mulakan dengan satu peratus terlebih dahulu. Sebagai contoh, sekiranya pendapatan kita RM 2000, simpan RM 20 sahaja. Sebulan dua kemudian, apabila sudah selesai dengan menyimpan satu peratus naikan kepada dua peratus menjadi RM 40 sebulan. Terus sehingga tiga peratus, empat peratus dan seterusnya. Melalui cara ini, dalam masa setahun, amalan menyimpan ini telah menjadi kebiasaan.

3 Tulis rancangan kewangan



Seperti menetapkan matlamat, perancangan kewangan juga perlu ditulis. Ambil kertas dan tulis perancangan terhadap kewangan. Dengan menulis berapa bajet untuk bulan ini, minda separa sedar akan membantu individu dalam usaha membendung perbelanjaan mengikut emosi selain menanam sikap berhati-hati sebelum membuat apa-apa perbelanjaan. Fikirkan kembali apa kesan buruk yang mungkin terjadi jika terlebih berbelanja. Jika seseorang individu bijak merancang dan selalu beringat, penjimatan akan dapat dilakukan dalam jangka masa panjang.

4 Bawa wang tunai sahaja



Ketika pergi ke pusat membeli-belah, bawa wang tunai sahaja dan tinggalkan kad kredit di rumah. Bawa wang yang mencukupi dan lakukan pembelian seperti yang dirancang dan sedikit wang untuk kecemasan. Penggunaan wang tunai akan membantu seseorang individu untuk menghadkan pembelian mereka mengikut jumlah wang tunai yang dibawa. Penggunaan kad kredit hanya akan menyebabkan individu berbelanja dua kali ganda kerana merasakan tiada wang yang mengalir keluar. Namun begitu, perancangan pembelian perlulah dilakukan terlebih dahulu. Ini sebagai langkah awal bagi mendapatkan jumlah wang tunai yang perlu dibawa dengan secukupnya. Seandainya wang yang dibawa tidak mencukupi, batalkan sahaja niat untuk membeli sehingga seseorang itu terpaksa kembali untuk mendapatkan barangan yang diinginkan. Membawa wang tunai sekadarnya akan melatih individu untuk mengatur pembelian dengan sebaiknya dan akan lebih berhati-hati dalam melakukan pembelian.

5 Fikir selama dua minggu

Ketika ingin membeli sesuatu yang di luar perancangan, berhenti seketika dan beri



masa untuk berfikir. Bukan dalam masa 10-20 minit sahaja, tetapi yakinkan diri untuk menunggu selama dua minggu sebelum membeli. Ini kerana, dalam masa itu seseorang individu akan dapat mengenal pasti sama ada barang tersebut perlu dibeli atau sebaliknya. Jika masih difikirkan perlu selepas dua minggu, teruskan pembelian tersebut. Jika sebaliknya, maka wang telah dapat dijimatkan untuk perkara yang lebih penting.

6 Beli aset dan bukan liabiliti



Menurut Robert Kiyosaki, penulis buku popular *Rich Dad Poor Dad*, 'aset' bermaksud sesuatu yang memberi pulangan kepada kita. Contohnya rumah yang disewakan dan perniagaan yang memberi keuntungan. Manakala 'liabiliti' bererti sesuatu yang memakan perbelanjaan kita seperti kereta. Dengan memiliki lebih banyak aset, sudah pasti kita akan mendapat pulangan yang berlipat ganda. Tetapi, sekiranya kita memiliki liabiliti, pasti kita akan mengalami kebocoran dalam kewangan. Wang akan banyak dikeluarkan untuk menampung kos liabiliti tersebut.

7 Sentiasa memantau dan menyemak kedudukan kewangan



Mereka yang berjaya dari segi kewangan adalah mereka yang merancang dan memantau keadaan kewangan dan perbelanjaan. Berapa lamakah masa yang diambil oleh seseorang individu untuk memantau keadaan kewangan dan perbelanjaan setiap minggu? Tabiat untuk menyemak keadaan kewangan perlu diamalkan sekurang-kurangnya satu jam


setiap minggu. Ramai individu seakan-akan 'malu' untuk memantau keadaan kewangan semasa kerana bimbang sekiranya dilihat berada dalam keadaan yang tidak mengizinkan.

8 Bijak memilih kawan



Perhatikan dengan siapa kita berkawan. Menurut Dr. Irfan Khairi dalam buku *Nota Jutawan Nota Kewangan*, 86 peratus daripada kejayaan seseorang itu bergantung kepada mereka yang berada di sekelilingnya. Untuk mempunyai kedudukan kewangan yang sihat, kita perlu berkawan dengan individu yang mengamalkan pengurusan kewangan yang sihat. Tidak semestinya mereka orang yang kaya, tetapi yang lebih penting ialah mereka yang mempunyai kewangan yang stabil dan tidak boros berbelanja. Corak perbelanjaan tersebut merupakan contoh yang baik untuk diikuti. Sekiranya kita selalu bersama golongan yang mengabaikan perihal kewangan dan berbelanja dengan boros, ditakuti suatu hari nanti tabiat kurang sihat itu akan menjadi ikutan.

Kesimpulan

Pengurusan kewangan peribadi sememangnya mempengaruhi gaya hidup seseorang individu. Pelbagai kaedah boleh dilakukan agar kewangan peribadi anggota dapat diuruskan secara bersistematik dan tidak dibebani dengan hutang yang tidak mampu dilangsaikan. Hutang akan menyebabkan seseorang individu itu hina di siang hari dan gelisah di malam hari sebagaimana sabda Rasulullah SAW di dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Al-Baihaqi. 

Rujukan

Rohani Datuk Mohd Shahir.(2011). *Ke mana wang anda?* Selangor: Galeri Ilmu.

Irfan Khairi.(2011). *Nota jutawan nota kewangan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.